

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
(SPM) 2022**

**Bahasa Melayu  
Kertas 1  
Kod 1103/1**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**SULIT**

**Markah penuh : 100**

**1.0 Tujuan pengujian:** Untuk menguji kebolehan calon dalam:

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik menganalisa pelbagai bentuk karangan dan menggunakan untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

**2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan**

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

## BAHAGIAN A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 markah]

### KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<b>26 – 30</b> (28 – 30) (26 – 27)	<p><b>Tema/ Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati tema/tugasan</b> bahan rangsangan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea relevan</b> dengan <b>tema/tugasan</b> bahan rangsangan.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bahasa gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan <b>tanda baca betul</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• <b>Ejaan</b> mengikut <b>Sistem Ejaan Rumi Baharu</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• <b>Unsur bahasa</b> yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>ungkapan yang menarik</b>.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa yang <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> <li>• Wacannya <b>lengkap</b>.</li> <li>• Pemerengganan <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>Ungkapan menarik :</b>  <i>Peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain.</i></p>
Kepujian	<b>20 – 25</b> (23 – 25)	<p><b>Tema/ Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati tema/tugasan</b> bahan rangsangan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea relevan</b> dengan <b>tugasan</b> bahan rangsangan.</li> <li>• Huraian dengan <b>jelas</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bahasa gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan <b>tanda baca betul</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• <b>Ejaan</b> mengikut <b>Sistem Ejaan Rumi Baharu</b>.</li> </ul>

	(20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b>kosa kata luas</b>.</li> <li><b>Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</b></li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>menarik</b>.</li> <li>Laras bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugasan.</li> <li>Wacananya <b>lengkap</b>.</li> <li>Pemerengganan <b>sesuai</b>.</li> </ul>
<b>Memuaskan</b>	<p><b>15 – 19</b></p> <p>(17 – 19)</p> <p>(15 – 16)</p>	<p><b>Tema/ Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>masih menepati tema/tugasan bahan rangsangan</b>.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Idea masih relevan dengan tugasan bahan rangsangan.</b></li> <li><b>Huraian idea masih jelas.</b></li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Bahasa masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>Penggunaan <b>tanda baca masih betul dan tepat</b>.</li> <li><b>Ejaan masih</b> mengikut <b>Sistem Ejaan Rumi Baharu</b>.</li> <li>Penggunaan <b>kosa kata terhad</b>.</li> <li><b>Unsur bahasa masih</b> bervariasi</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>masih menarik</b>.</li> <li>Laras bahasa <b>masih sesuai</b> mengikut tugasan.</li> <li>Wacananya <b>masih lengkap</b>.</li> <li>Pemerengganan <b>masih sesuai</b>.</li> </ul>
<b>Pencapaian Minimum</b>	<p><b>10 – 14</b></p> <p>(12 – 14)</p> <p>(10 – 11)</p>	<p><b>Tema/ Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>kurang menepati tugasan bahan rangsangan</b>.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Idea kurang relevan dengan tugasan bahan rangsangan</b></li> <li><b>Huraiannya kurang jelas.</b></li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Bahasa kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li><b>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara</b>.</li> <li><b>Ejaan masih</b> mengikut <b>Sistem Ejaan Rumi Baharu</b> tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang</b></li> </ul>

		<p><b>ketara.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>kosa kata terhad</b>.</li> <li>• <b>Unsur bahasa kurang</b> bervariasi.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>kurang menarik</b>.</li> <li>• <b>Wacananya kurang lengkap</b>.</li> </ul> <p>Pemerengganan <b>kurang sesuai</b>.</p>
<p><b>Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum</b></p>	<p><b>01 – 09</b> (06 – 09) (01 – 05)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• <b>Banyak</b> kesalahan <b>bahasa</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• <b>Idea tidak</b> menepati <b>tugasan</b> bahan rangsangan.</li> </ul>

## **GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN BAHASA MELAYU 1 – 1103/1**

### **Bahagian A (30 markah)**

#### **1. Format penulisan komen :**

- T** - menepati tema
- I** - relevan, huraihan jelas
- B** - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

*Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan perkhidmatan e-dagang.*

*Huraikan pendapat anda tentang perkhidmatan e-dagang di negara kita.*

Panjangnya huraihan hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

#### **2. Kehendak soalan:**

1. Calon dikehendaki menghuraikan **faedah perkhidmatan e-dagang (F1- Bahan 2)** dan **cara-cara untuk menggalakkan perkhidmatan e-dagang (F2-Bahan 1).**
  - i- Faedah = **menjana ekonomi rakyat dan negara** (idea dalam bahan 2), menjimatkan masa, mudah untuk mendapatkan barang, pemasaran luas, menjimatkan kos dll (idea luar bahan)
  - ii- Cara - cara = **mengadakan kempen dan promosi** (idea dalam bahan 3), pendidikan secara luar dan dalam talian, kempen kesedaran dll (idea luar bahan)
2. Dalam konteks penandaan, calon perlu **akur** terhadap kepanjangan karangan iaitu antara 150- 200 patah perkataan.
3. Karangan **tidak sampai** 150 atau **melebihi** 200 patah perkataan tidak layak mendapat cemerlang - Maksimum **Kepujian (20-25 markah).**
4. Jika calon hanya menghuraikan satu fokus sahaja, maksimum **Memuaskan (15 – 19 markah)**
5. Jika calon hanya menghuraikan idea luar sahaja – **Memuaskan (15-19 markah)**
6. Jika calon mencampurkan idea dalam bahan dengan idea luar, **tetapi tidak menyentuh semua bahan** – maksimum **Kepujian (20-25 markah)**

## **BAHAGIAN B: Karangan Respons Terbuka**

**(70 markah)**

<b>KRITERIA</b>	<b>DESKRIPSI</b>
<b>1. BAHASA</b> (Mekanis)	Kegramatisan – kata (morfologi) – ayat (sintaksis) Tanda baca Ejaan
<b>2. LARAS</b> (Dinamis)	Pemilihan kosa kata
<b>3. IDEA (ISI)</b>	Tema Isi utama Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh) Releven
<b>4. PENGOLAHAN</b>	Wacana Logik Pemerengganan Format
<b>5. GAYA BAHASA</b>	Keindahan bahasa Ungkapan Peribahasa

## KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<p style="text-align: center;"><b>64 – 70</b> (68 – 70) (64 – 67)</p>	<p><b>Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menjawab</b> tugas.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> <li>• Contoh yang <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan <b>tepat</b>.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan tanda baca yang <b>betul</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat</b> yang <b>gramatis</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> amat <b>menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>sangat menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Pemerengganan <b>sesuai</b>.</li> <li>• <b>Wacana lengkap</b> dan terdapat <b>kesinambungan idea</b> yang jelas antara perenggan.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> <b>sesuai</b> dengan tugas.</li> </ul>
Kepujian	<p style="text-align: center;"><b>55 – 63</b> (59 – 63) (55 – 58)</p>	<p><b>Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menjawab</b> tugas.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>yang relevan</b> mengikut tugas.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b>.</li> <li>• Contoh yang <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan <b>tepat</b>.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan tanda baca <b>betul</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis ayat</b> yang <b>gramatis</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa</b> <b>masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> <b>menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>

		<p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan menarik dan berkesan.</li> <li>• Pemerengganan sesuai.</li> <li>• Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Laras bahasa sesuai dengan tugasan.</li> </ul>
Baik	<p>45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)</p>	<p><b>Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan masih menjawab tugasan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea masih relevan mengikut tugasan.</li> <li>• Huraian isi masih jelas.</li> <li>• Contoh masih sesuai.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai.</li> <li>• Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca masih betul.</li> <li>• Penggunaan pelbagai jenis ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan masih menarik.</li> <li>• Pemerengganan sesuai.</li> <li>• Wacana masih lengkap.</li> <li>• Laras bahasa sesuai mengikut tugasan.</li> </ul>
Memuaskan	<p>35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)</p>	<p><b>Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan masih menjawab tugasan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea masih relevan mengikut tugasan.</li> <li>• Huraian isi kurang jelas.</li> <li>• Contoh kurang sesuai.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan pelbagai jenis kata terhad.</li> <li>• Penggunaan kosa kata umum dan terhad.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• Ayat kurang gramatis.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> </ul>

		<p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan kurang menarik.</li> <li>• Wacana masih / kurang lengkap.</li> <li>• Laras bahasa kurang sesuai.</li> </ul>
Penguasaan Minimum	<b>21 – 34</b> (28 – 34) (21 – 27)	<p><b>Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>kurang menjawab</b> tugas.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea masih relevan / idea bercampur aduk.</li> <li>• Huraian <b>tidak jelas</b> / <b>tidak berkembang</b>.</li> <li>• Contoh <b>tidak sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>kata kurang tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum</b> dan terhad.</li> <li>• Terdapat kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• Ayat <b>tidak gramatis</b> tetapi <b>masih difahami</b>.</li> <li>• <b>Unsur bahasa tidak bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan <b>ungkapan lemah</b>.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>tidak menarik</b>.</li> <li>• Wacana <b>tidak lengkap</b> dan <b>binaan perenggan tidak seimbang</b>.</li> </ul>
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	<b>01 – 20</b> (11 – 20) (01 – 10)	<p><b>Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>tidak menjawab</b> tugas/Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>bercampur aduk</b></li> <li>• Huraian <b>tidak jelas</b> / <b>tidak berkembang</b>.</li> <li>• Contoh <b>tidak sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Keseluruhan</b>nya menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat yang tidak gramatis</b>.</li> <li>• Terdapat kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan <b>ungkapan lemah</b> dan <b>tidak menarik</b>.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>tidak menarik</b>.</li> <li>• Wacana <b>tidak lengkap</b>, <b>binaan perenggan tidak seimbang</b> dan <b>tidak sesuai</b>.Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b></li> </ul>

**MARKAH MAKSIMUM**  
**KARANGAN BAHAGIAN B**  
**BAGI KARANGAN KURANG DARIPADA 350 PATAH PERKATAAN/**  
**TERPESONG ISI DAN LAIN DARIPADA TAJUK**

Jumlah Perkataan	Tahap pemeriksaan ikut peringkat	Markah maksimum
300 – 349	Baik atas	50
251 – 299	Memuaskan atas	40
Kurang 251	Pencapaian minimum atas	30
Terpesong isi Lebih 350	Tidak mencapai tahap atas	20
Terpesong isi 300 - 349	Tidak mencapai tahap atas	15
Terpesong isi 251 - 299	Tidak mencapai tahap atas	11
Terpesong isi Kurang 251	Tidak mencapai tahap bawah	08

**MARKAH MAKSIMUM**  
**KARANGAN BAHAGIAN A**  
**BAGI KARANGAN KURANG DARIPADA 150 PATAH PERKATAAN/**  
**TERPESONG ISI DAN LAIN DARIPADA TAJUK**

Jumlah Perkataan	Tahap pemeriksaan ikut peringkat	Markah maksimum
100 – 149	Memuaskan atas	19
51 – 99	Kurang memuaskan	14
Kurang 50	Tidak mencapai tahap	10

### 3.0 Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca :

Semasa memeriksa, tandakan kesalahan - kesalahan isi, bahasa, dan ejaan seperti berikut:

- (                ) =     kesalahan isi.
- \_\_\_\_\_ =     kesalahan bahasa, penggunaan perkataan dan frasa
- /                =     kesalahan ejaan yang pertama
- //              =     kesalahan ejaan yang berulang
- 0                =     kesalahan tanda bacaan

(Kesalahan kata majmuk juga dianggap sebagai kesalahan ejaan)

## **BAHAGIAN B (70 markah)**

**Format penulisan komen :**

- T** - menjawab tugas
- I** - relevan, huraian jelas
- B** - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
- P** - menarik dan berkesan

### **Soalan 1 (Domain Awam)**

**Kehendak Soalan:**

1. Calon dikehendaki menulis sebuah karangan tentang **usaha-usaha untuk mempopularkan permainan tradisional** – menganjurkan pertandingan permainan tradisional dan melalui kegiatan kokurikulum di sekolah (idea dalam stimulus sahaja), kempen kesedaran, peranan ibu bapa dengan memperkenalkan permainan kepada anak-anak, memberi dana kepada penggiat dll (idea luar stimulus)
2. Sekiranya calon menulis sebuah karangan tentang **usaha-usaha untuk mempopularkan permainan tradisional** tetapi menggunakan idea luar stimulus 100% - maksimum **Kepujian [55 - 63]**
3. Sekiranya calon menulis permainan tradisional secara umum - maksimum **Baik [40– 49]**
4. Sekiranya calon menulis karangan tentang kepentingan mahupun punca atau jenis-jenis – terpesong **Tidak Mencapai Tahap [01-19]**

### **Soalan 2 (Domain Awam)**

**Kehendak Soalan:**

1. Calon perlu menulis sebuah karangan tentang **punca-punca generasi muda kurang penghayatan terhadap semangat patriotik** – pengaruh media massa, tiada perasaan cinta akan negara, terpengaruh dengan budaya barat, kurang menghayati perjuangan tokoh-tokoh negara dll. (100% idea luar stimulus)
3. Sekiranya calon menulis karangan semangat patriotik secara umum - maksimum **Baik [40– 49]**
4. Sekiranya calon menulis karangan tentang kepentingan mahupun usaha – terpesong **Tidak Mencapai Tahap [01-19]**

### **Soalan 3 (Domain Pendidikan)**

#### **Kehendak Soalan:**

1. Calon dikehendaki menghuraikan **kepentingan-kepentingan pengurusan kewangan (100% idea luar stimulus)**– persediaan untuk alam persaraan/ masa depan, memupuk sifat berdikari, mempunyai simpanan untuk masa hadapan, mengelakkan amalan berhutang dll.
2. Sekiranya calon menghuraikan **kepentingan-kepentingan pengurusan kewangan** dengan menggunakan idea dalam stimulus - maksimum **Kepujian [55 - 63]**
3. Sekiranya calon menghuraikan pengurusan kewangan secara umum - maksimum **Baik [40– 49]**
4. Sekiranya calon menghuraikan usaha mahupun punca - terpesong **Tidak Mencapai Tahap [01-19]**

### **Soalan 4 (Domain Kerjaya)**

#### **Kehendak Soalan:**

1. Calon dikehendaki menghuraikan **langkah-langkah untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat**- sentiasa bersepakat dan bekerjasama, amalan tolong-menolong dan bantu-membantu, aktiviti bergotong-royong, mewujudkan pertubuhan kemasyarakatan/ rukun tetangga dan sentiasa bersatu-hati. **(100% idea dalam bahan)**
2. Sekiranya calon menyatakan idea berdasarkan maksud sajak. Periksa seperti biasa.
3. Sekiranya calon menulis sebuah karangan tentang **langkah-langkah untuk memupuk semangat kejiranan** tetapi mencampur-adukkan idea dalam bahan dengan idea luar @ idea luar 100% - maksimum **Kepujian [55 - 63]**
4. Sekiranya calon menghuraikan semangat kejiranan secara umum - maksimum **Baik [40– 49]**
5. Sekiranya calon menghuraikan kepentingan mahupun punca - terpesong **Tidak Mencapai Tahap [01-19]**

### **PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**